

Malaysia Kehilangan Tokoh Kewangan Dihormati

Bernama

25 Mac, 2013

Oleh Kenny Teng Khoon Hock

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Malaysia kehilangan tokoh kewangan terkenal dan dihormati, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, yang meninggal dunia Isnin.

Allahyarham akan dikenang dan diingati di atas jasa dan sumbangan besar kepada negara.

Adik ipar beliau, Rafiqua Khalid berkata Allahyarham meninggal akibat kanser prostat pada pukul 4.45 petang.

Beliau berkata Allahyarham merupakan seorang yang amat prihatin dan penyayang terhadap anak-anak dan anak saudara.

"Walaupun beliau dikenali sebagai seorang yang tegas semasa menjadi Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Gabenor Bank Negara, beliau sentiasa bersedia membantu sesiapa yang memerlukan.

"Keluarga kami telah kehilangan tonggak yang kuat," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata abang iparnya yang dimasukkan ke hospital 10 hari lalu, tidak menonjolkan diri terutama selepas bersara.

Ali Abul Hassan meninggalkan isteri, Puan Sri Jameela Ali Abul Hassan dan tiga anak, Ahmad Khalil, 38, Dr Sakina Ali, 44, dan Dr Azlina Ali, 40 serta 11 cucu.

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 3 April, 1941, Ali Abul Hassan memulakan kerjayanya dengan EPU, dalam pelbagai jawatan dalam bidang Perancangan Tenaga Manusia, Perancangan Makro Ekonomi dan Pembangunan Infrastruktur antara 1965 hingga 1985.

Pada Mac 1985, beliau dilantik sebagai Setiausaha di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa di bawah Kementerian Kewangan diikuti oleh Setiausaha di bahagian cukai mulai Julai 1986 hingga Oktober 1990.

Beliau kemudian dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah (MACRO) EPU pada 1 Nov, 1990 sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarahnya pada 1991, yang disandangnya selama tujuh tahun sehingga 5 Sept, 1998, apabila beliau dilantik sebagai Gabenor Bank Negara.

Sebagai Ketua Pengarah EPU, Ali Abul Hassan bertanggungjawab merumuskan kerangka kerja pembangunan sosio-ekonomi kerajaan, objektif, dasar dan strategi untuk jangka pendek, sederhana dan panjang.

Ali Abul Hassan berusia 57 tahun semasa dilantik menjadi Gabenor Bank Negara pada September 1998 berikutan peletakan jawatan Tan Sri Ahmad Mohd Don.

Semasa Ali Abul Hassan menjadi Gabenor pada tahun 1998, bank pusat dalam usaha

melaksanakan langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi dan menstabilkan apungan bebas ringgit.

Ringgit menjunam di bawah RM4.70 berbanding US\$1.00 dan Indeks Komposit Kuala Lumpur jatuh di bawah 270 mata.

Ali Abul Hassan kemudian mengamalkan dasar proaktif dan mesra perniagaan untuk memulihkan ekonomi, dengan inisiatif khusus untuk merangsang pelaburan domestik dan asing.

Allahyarham juga pernah berkhidmat sebagai setiausaha kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara dari September 1998 hingga April 2000 sebelum bersara pada 1 Mei 2000 dan digantikan oleh Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Pada 17 April 2001, beliau dilantik sebagai Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937323>